



جبا تہن کھاکیم شریعہ سلانور دارالاحسان

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR DARUL EHSAN
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH SULTAN IDRIS SHAH,
PERSIARAN MASJID, SEKSYEN 5,
40000 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.

TEL : 03-55191291, 03-55191294, 03-55191309, 03-55113708
FAKS : 03-55105620, 55105816



Laman Web: www.jakess.gov.my

Rujukan kami : JAKESS 100-1/6/3 (11)

Tarikh : 6 Januari 2015

**YA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor
Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Selangor
Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Selangor
Pendaftar Mahkamah Tinggi syariah Selangor
Semua Ketua Seksyen Jabatan Kehakiman Syariah Selangor
Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah selangor**

PEKELILING KETUA HAKIM: GARIS PANDUAN MENGENAI TATACARA PENGGUNAAN INTERNET DAN MEL ELEKTRONIK JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menyediakan garis panduan mengenai tatacara penggunaan Internet dan Mel elektronik di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor serta perkara-perkara berkaitan yang perlu diberi perhatian dan diambil tindakan oleh jabatan ini.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan kecekapan dalam proses komunikasi di kalangan anggota-anggotanya dan juga di antara agensi Kerajaan dengan swasta dan orang ramai. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah membuka peluang kepada komunikasi yang lebih cepat dan mudah. Salah satu kaedah komunikasi yang semakin luas penggunaannya dalam sektor awam ialah Internet dan mel elektronik (e-mel). Selain daripada memudah dan mempercepatkan komunikasi, kaedah ini dapat mengurangkan penggunaan kertas dan akhirnya menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan kualiti perkhidmatan.
3. Namun begitu, penggunaan Internet dan e-mel yang sistematik, cekap dan pantas ini jika tidak diuruskan dengan baik boleh menjejaskan keselamatan terhadap data, dokumen atau sebarang maklumat melalui penghantaran media elektronik. Dengan itu, kawalan yang teratur dan perlindungan keselamatan ICT yang bersesuaian perlu diwujudkan supaya penggunaan Internet dan e-mel bukan sahaja dapat meningkatkan kecekapan berkomunikasi, tetapi juga dapat menjamin keselamatan maklumat yang dihantar dan diterima.

TATACARA PENGGUNAAN

4. Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi-agensi Kerajaan ini dirumus bagi memenuhi keperluan penggunaan, langkah-langkah perlindungan dan penguatkuasaan, agar penggunaan Internet dan e-mel yang terkawal dan perlindungan keselamatan yang lebih mantap dapat diwujudkan. Langkah ini akan dapat mengurangkan kesan negatif ke atas maklumat seperti pencerobohan, kecurian dan pengubahsuaian data.

TANGGUNGJAWAB AGENSI

5. Jabatan Kehakiman Syariah Selangor adalah dikehendaki untuk mengambil perhatian kepada Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi-agensi Kerajaan seperti yang dilampirkan kepada Pekeliling ini. Bagi maksud ini, semua Ketua Jabatan adalah diminta melaksanakan tanggungjawab yang ditetapkan dan mengambil tindakan-tindakan berikut:
 - (a) memastikan seorang pentadbir sistem ICT dilantik dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tindakan-tindakan sebagaimana yang ditetapkan di dalam tatacara ini;
 - (b) mengenal pasti pengurusan dan kawalan keselamatan ICT yang perlu diberi perhatian semasa penggunaan Internet dan e-mel, bergantung kepada tahap sensitiviti maklumat; dan
 - (c) memastikan program-program kesedaran keselamatan ICT diberikan kepada semua pengguna agar penggunaan Internet dan e-mel dapat dilaksanakan dengan cara yang betul dan selamat.

PEMAKAIAN

6. Peruntukan Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua warga Jabatan Kehakiman Syariah Selangor termasuk seluruh warga Mahkamah Syariah daerah Negeri Selangor,

TARIKH KUAT KUASA

7. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.



YAA Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar A.M.N., BSK., PPC
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Selangor